



KENYATAAN MEDIA

Jom meriahkan Karnival Kita MADANI Peringkat Sarawak pada 9 hingga 10 November ini

KUCHING, 5 November 2024 – Orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan Karnival Kita MADANI Peringkat Sarawak yang akan berlangsung pada 9 hingga 10 November 2024 di Pusat Konvensyen Penview (PCC), Demak.

Program ini bakal disempurnakan oleh YB Datuk Abdullah bin Haji Saidol, Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Hal Ehwal Korporat, Penerangan dan UKAS) mewakili YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

Program turun padang dan sesi libat urus oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) bersama-sama dengan masyarakat setempat ini merupakan salah satu platform jabatan dalam memasarkan maklumat, dasar, inisiatif kerajaan dan mesej-mesej kenegaraan berteraskan konsep Malaysia MADANI.

Antara objektif program Karnival Kita MADANI ini adalah untuk menyemarak hubungan pemimpin bersama rakyat serta mengukuhkan semangat perpaduan dan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat. Selain itu, penganjuran program Kita MADANI ini adalah bagi menyebarkan konsep dan hala tuju Malaysia MADANI agar dapat difahami dan dihayati oleh masyarakat, menjadi rakan strategik kepada jabatan atau agensi kerajaan dalam memberi perkhidmatan terus kepada masyarakat setempat dan memperkasa usaha pemasaran maklumat daripada kerajaan kepada rakyat.

Pelbagai aktiviti menarik menanti orang ramai sempena penganjuran Karnival Kita MADANI Peringkat Sarawak antaranya Infiesta PENTARAMA, Taklimat Belanjawan 2025, Jualan Rahmah, Demonstrasi Penghasilan Kraftangan dan Pembuatan Produk berasaskan Koko. Bukan itu sahaja, *Car Boot Sale*, cabutan bertuah, reruai Komuniti MADANI, kaunter perkhidmatan, jualan kraftangan dan makanan, pameran pelbagai agensi dan jabatan serta kuiz kenegaraan turut disediakan khas buat pengunjung Karnival Kita MADANI Peringkat Sarawak.

Penutup bagi Karnival Kita MADANI turut diadakan Permukiman Komuniti MADANI Sarawak yang akan berkongsi beberapa topik khas melalui bicarawara bersama YB Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali, Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri – Persekutuan) dan Tuan Rahmat Fitri bin Abdullah, Duta Anti Scam Polis Diraja Malaysia serta sesi Townhall Komuniti MADANI Bersama YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi.

Disediakan oleh:

**Bahagian Media dan Komunikasi Korporat
Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak**

UNTUK SIARAN SEGERA



Kita MADANI PERINGKAT SARAWAK

9 November | 9.00 Pagi - 10.00 Malam
2024 (Sabtu)

10 November | 9.00 Pagi - 2.00 Petang
2024 (Ahad)

Penview Convention Centre (PCC)
Demak, Kuching

ANTARA AKTIVITI YANG MENARIK MENANTI ANDA!!

PERMUKIMAN
KOMUNITI MADANI
SARAWAK

INFIESTA
PENTARAMA

TAKLIMAT
BELANJAWAN 2025

PAMERAN
PELBAGAI JABATAN &
AGENSI

JUALAN
RAHMAH

JUALAN
KRAFTANGAN/
MAKANAN

KAUNTER
PERKHIDMATAN

RERUI
KOMUNITI MADANI
SARAWAK

DEMONSTRASI
PENGHASILAN KRAFTANGAN
DAN PRODUK BERASASKAN KOKO

KUIZ
KENEGARAAN

CAR BOOT
SALE

